

100,000 meriahkan Karnival Putrajaya

UM 3 1 JUL 2003

PUTRAJAYA 30 Julai — Lebih 100,000 orang dijangka membanjiri Precint 8 di sini bagi memeriahkan Karnival Putrajaya 2003 yang dianjurkan buat pertama kalinya pada hari Sabtu dan Ahad ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, karnival itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Acara penutup pula yang dijadualkan pukul 8.30 malam pada hari Ahad akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, katanya di sini, hari ini.

Tambah beliau, karnival tersebut ditaja oleh Telekom Malaysia Berhad dan dianjurkan secara bersama dengan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) bertujuan bagi merapatkan hubungan di kalangan penduduk di Putrajaya dan kawasan sekitarnya.

Kata beliau, pelbagai bentuk acara sukaneka dan gerai jualan yang menyamai konsep Karnival Sure Heboh TV3 yang berlangsung baru-baru ini akan diadakan.

“Selain itu, pihak penganjur juga mengadakan konsert yang melibatkan artis-artis ternama tanah air termasuk Siti Nurhaliza, Dayang Nurfaizah, Datuk Sheikh, kumpulan Senario dan lain-lain lagi,” jelasnya.

Kata beliau, acara konsert akan berlangsung dari jam 10 pagi hingga 12 tengah hari, 4 petang hingga 6 petang dan 8 malam hingga 10 malam pada kedua-dua hari tersebut.

Katanya, TV3 akan mengadakan lintas langsung dari semasa ke semasa untuk memastikan orang ramai yang tidak dapat hadir ke karnival itu dapat mengikutinya melalui televisyen.